



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (40) 18/05

## THE INTERNATIONAL INSTITUTE FOR STRATEGIC STUDIES SHANGRI-LA DIALOGUE 2024: 21<sup>ST</sup> REGIONAL SECURITY SUMMIT, SINGAPURA

**Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin** telah mengetuai delegasi Malaysia bagi menyertai *The 21st International Institute for Strategic Studies (IISS) Shangri-La Dialogue 2024 (SLD2024)* yang diadakan di Hotel Shangri-La, Singapura dari 31 Mei hingga 2 Jun 2024.

*The IISS SLD* merupakan forum keselamatan bertaraf antarabangsa yang dianjurkan oleh Singapura sejak tahun 2002 yang melibatkan penyertaan Menteri-Menteri Pertahanan, pegawai-pegawai tertinggi tentera dan pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan dari negara-negara di rantau Asia Pasifik dan benua Eropah.

YB Menteri Pertahanan telah diberi penghormatan sebagai salah seorang panel semasa sesi ketujuh bertajuk *“Re-Imagining Solutions for Regional Stability”* dan menyampaikan perspektif Malaysia mengenai perkembangan dalam kerjasama keselamatan dua hala dan pelbagai hala di Asia-Pasifik, dan bagaimana bentuk kerjasama baharu ini berkemungkinan mempengaruhi landskap keselamatan sedia ada serantau.

Penyertaan YB Menteri Pertahanan ke Forum *SLD2024* adalah merupakan kesinambungan penyertaan Malaysia dalam forum berprestij ini, di samping menunjukkan komitmen serta kepimpinan Malaysia dalam isu pertahanan dan keselamatan di rantau Asia Tenggara. Forum *SLD2024* merupakan forum antarabangsa kedua yang dihadiri oleh YB Menteri Pertahanan secara bersempena sejak beliau dilantik pada bulan Disember 2023.

Di samping penyertaan ke forum ini, YB Menteri Pertahanan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Singapura dan rakan sejawat beliau, Menteri Pertahanan Singapura di samping mengadakan pertemuan dua hala dan pelbagai hala bersama rakan sejawat dari negara-negara strategik dan berkepentingan kepada Malaysia.

Kehadiran YB Menteri Pertahanan ke forum *SLD2024* adalah penting bagi memastikan hubungan kerjasama pertahanan antara Malaysia dengan negara-negara rakan dapat dikekalkan dan seterusnya dipertingkatkan selaras dengan Tonggak Ketiga Strategi Pertahanan Negara iaitu perkongsian berwibawa yang menekankan hubungan Pertahanan antarabangsa dalam memastikan Kedaulatan Negara, Kestabilan Serantau dan Kemananan Sejagat.

-TAMAT-

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia  
2 Jun 2024**